

## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

**S.A. 2016/07/68 (HQ)**

### **TNB CATAT PERTUMBUHAN PERMINTAAN ELEKTRIK YANG LEBIH BAIK**

- **4.5% pertumbuhan permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia, menjurus kepada peningkatan pendapatan sebanyak 5.3%**
- **Keuntungan selepas cukai dicatatkan pada RM5.58 bilion, peningkatan sebanyak 6.3%**

**Kuala Lumpur, 28 Julai 2016** – **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** hari ini mengumumkan pendapatan Kumpulan untuk tempoh sembilan bulan tahun Kewangan 2016 (9BTK2016) sebanyak RM33.29 bilion, peningkatan 5.6% berbanding RM31.54 bilion yang direkodkan pada tempoh yang sama tahun lepas. Peningkatan dalam pendapatan ini terutamanya disebabkan oleh 4.5% pertumbuhan permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia dengan penyumbang utamanya oleh sektor domestik dan komersial, masing-masing pada 11.5% dan 6.4%.

Sejajar dengan pertumbuhan permintaan, perbelanjaan operasi bagi 9BTK2016 telah meningkat sebanyak 4.2% kepada RM26.8 bilion dari RM25.7 bilion untuk 9BTK2015. Hasilnya, Keuntungan Selepas Cukai bagi tempoh tersebut telah meningkat sebanyak 6.3% kepada RM5.58 bilion berbanding RM5.25 bilion yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun lepas.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd, berkata: "Tahun ini, kita telah merekodkan pelbagai permintaan had puncak dengan yang terkini direkodkan adalah 17,788 MW pada 20 April 2016. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 5.2% berbanding permintaan had puncak sebanyak 16,901 MW yang dicatatkan pada 11 Jun 2014.

"Kita dapat perhatikan permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia meneruskan momentum positifnya pada suku ketiga tahun kewangan ini walaupun permintaan yang agak perlahan daripada sektor industri. Walau bagaimanapun, dengan corak cuaca yang berubah-ubah, kita

menjangkakan corak permintaan akan kembali seperti biasa dan kekal stabil sepanjang tahun kewangan ini, seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara.”

Ahli Lembaga Pengarah mengambil maklum terhadap Pernyataan Dasar Monetari Bank Negara Malaysia bertarikh 13 Julai 2016 yang mengiktiraf bahawa walaupun ekonomi domestik kekal di landasan untuk berkembang pada 2016 dan 2017, ketidaktentuan dalam persekitaran global boleh menjejaskan prospek pertumbuhan Malaysia. Berdasarkan persekitaran ekonomi global semasa yang mencabar, Ahli Lembaga Pengarah kekal berwaspada dengan prospek Kumpulan bagi Tahun Kewangan 2016.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 28 Julai, 2016**

*Sila majukan sebarang pertanyaan media kepada Nor Hanim Idris di talian 019-2617617  
/ Teng Yoon Soon di 019-293 1228 / Mohd Syafiq b Khairul Salleh di 013-3432346  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

***\*Sila rujuk siaran akhbar Bahasa Inggeris untuk versi asal***

### Paparan Keputusan Kewangan

RM' Juta	9-bulan Berakhir Mei	
	<u>TK2016</u>	<u>TK2015</u>
<b>Jumlah Pendapatan</b>	33,294.8	31,542.8
<b>Perbelanjaan Operasi</b>	(26,816.4)	(25,727.1)
<b>Lain-lain Pendapatan Operasi</b>	508.2	593.0
<b>Lebihan Operasi (EBIT)</b>	<u>6,986.6</u>	<u>6,408.7</u>
<b>Kos Kewangan</b>	(758.9)	(719.3)
<b>Kerugian Translasi Tukaran Wang Asing</b>	(275.2)	(85.8)
<b>Keuntungan Bersih (Sebelum Kerugian Translasi Tukaran Wang Asing)</b>	5,880.6	5,383.3
<b>Keuntungan Bersih Yang Diagihkan Kepada Pemilik Syarikat</b>	5,605.4	5,297.5
<b>Pendapatan Sesaham</b>	99.32 sen	93.87 sen

#### Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB meliputi bidang penjanaan, penghantaran, dan pembahagian tenaga elektrik. Di samping merupakan syarikat penjana elektrik utama Negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Ogos 2015, TNB membekalkan elektrik kepada 8.9 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alatubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan professional, pembinaan, operasi dan penyenggaraan kemudahan penyejukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkenaan dengan tenaga diperbaharui, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepadu, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan Negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my)